



## Kepada-Mu Jua Kami Berserah

### Titah Ucapan Takziah

**A**ssalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.  
Bismillahir Rahmanir Rahim.

Yang Maha Mulia Seri Paduka Anakanda Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan Terengganu Darul Iman.

Paduka Ayahanda bagi diri sendiri dan juga Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dengan sedih melafazkan ucapan takziah dan rasa dukacita yang teramat atas kemangkatan Yang Maha Mulia Seri Paduka Adinda Sultan Mahmud

---

Titah Ucapan Takziah dan Tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu di Majlis Mesyuarat Raja-Raja yang ke-179 di Istana Negara, Kuala Lumpur, 15hb. Julai 1998.



Al-Muktafi Billah Shah ibni Almarhum Tuanku Al-Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Sultan Terengganu Darul Iman pada hari Khamis, 14 Mei 1998 jam 10.15 pagi di Singapura.

Berita kemangkatan Yang Maha Mulia itu amatlah mengejutkan dan tidak disangka oleh sekalian rakyat seluruh negara oleh sebab pada saat-saat akhir ini Almarhum sentiasa dalam keadaan sihat walafiat.

Adapun Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah ibni Almarhum Tuanku Al-Sultan Ismail Nasiruddin Shah telah diputerakan pada 29 April 1930 dan telah menaiki Takhta Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman pada 20 September 1979 serta telah selamat memerintah selama hampir 19 tahun dengan penuh kebijaksanaan, adil dan limpah kemurahannya. Majlis ini amat terasa akan kehilangan seorang ahli yang sentiasa cergas dalam segala perundingan.

Paduka Ayahanda dan Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri bersama-sama berdoa mudah-mudahan Allah s.w.t. mencucuri rahmat-Nya ke atas roh Almarhum dan dihimpunkan bersama-sama orang-orang yang soleh di Jannah.

Paduka Ayahanda meminta Yang Maha Mulia Seri Paduka Anakanda dapat kiranya menyampaikan ucapan takziah Majlis ini kepada waris-waris dan kerabat-kerabat Almarhum.

Dengan persetujuan Ahli-ahli Majlis Raja-Raja, kesedihan Majlis atas kemangkatan Yang Maha Mulia Seri Paduka Adinda Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah ibni Almarhum Tuanku Al-Sultan Ismail Nasiruddin Shah ini akan dicatatkan dalam Minit Mesyuarat Majlis pada hari ini.

Sekarang Beta mempersilakan Ahli-ahli Majlis bersama-sama membaca dan menghadiahkan al-Fatihah.

Amin Ya Rabbal Alamin.



## Titah Ucapan Tahniah

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.  
Bismillahir Rahmanir Rahim.

Yang Maha Mulia Seri Paduka Anakanda Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan Terengganu Darul Iman.

Paduka Ayahanda berserta dengan saudara-saudara Paduka Ayahanda Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dengan amat sukacitanya mengalu-alukan Yang Maha Mulia Seri Paduka Anakanda yang telah menaiki Takhta Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman pada 15 Mei 1998 dan dapat hadir bersama di dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja pada hari ini.

Paduka Ayahanda bagi pihak diri sendiri dan juga Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Maha Mulia Seri Paduka atas pemasyhuran ini.

Sebagai seorang muda yang berpendidikan tinggi dan berpengalaman serta telah menceburi dalam jentera pentadbiran negeri Terengganu, maka Majlis ini percaya dan berkeyakinan penuh bahawa Seri Paduka Anakanda akan dapat memberi bantuan dan input serta idea-idea baru kepada Majlis.

Paduka Ayahanda dan saudara-saudara Paduka Ayahanda Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri bersama-sama berdoa ke hadrat Allah s.w.t. mudah-mudahan dilanjutkan usia zaman Yang Maha Mulia Seri Paduka Anakanda kekal bersemayam di atas singgahsana Takhta Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman, insya Allah.

Amin Ya Rabbal Alamin.